

3 kes Omicron varian BA.4, BA.5 dikesan

Menteri sahkan kes pertama penularan varian di Malaysia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mengesan tiga penularan COVID-19 membabitkan dua kes varian BA.5 dan satu jangkitan BA.4.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata itu kes perta-

ma membabitkan penularan varian berkenaan yang disahkan di negara ini.

“Kedua-duanya (varian BA.4 dan BA.5) dikategorikan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) sebagai VOC-LUM (lineages under monitoring) di bawah varian Omicron. Setakat ini, faktor risiko kekal sama,” katanya.

Sebelum ini, Singapura dilaporkan merekodkan tiga penularan tempatan COVID-19 membabitkan dua kes varian BA.4 dan satu jangkitan varian BA.5 dengan ia adalah kes komuniti pertama disahkan sebagai jangkitan varian berkenaan.

Pada 16 Mei lalu, pegawai ke-

sihatan Eropah menyenaraikan dua strain Omicron yang pertama kali dikesan di Afrika Selatan, iaitu BA.4 dan BA.5 sebagai varian membimbangkan (VOC).

Klasifikasi itu dibuat susulan subvarian Omicron berkenaan berupaya mengelak daripada perlindungan imuniti vaksin dan mungkin menguasai kes COVID-19 Eropah menjelang musim panas.

Pusat Pencegahan Penyakit dan Kawalan Eropah (ECDC) dalam laporan menyatakan, subvarian BA.4 dan BA.5 boleh menyebabkan lonjakan kes jangkitan COVID-19 di seluruh benua, sekali gus meningkatkan jumlah

kemasukan ke hospital dan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU).

BA.4 dan BA.5 pertama kali dikesan di Afrika Selatan masing-masing pada Januari dan Februari lalu.

Sejak itu, kedua-dua subvarian terbabit menjadi strain dominan di negara itu, manakala BA.5 pula dijangka menjadi varian paling biasa di Portugal menjelang 22 Mei nanti.

Sementara itu, laporan ECDC juga menyatakan ketika ini tiada tanda sebarang perubahan dalam kadar keterukan jangkitan bagi BA.4 dan BA.5, berbanding subvarian Omicron sebelum ini.